

Perjalanan KL – Ipoh lebih pantas

RAWANG – Perkhidmatan Tren Pantas menghubungkan Kuala Lumpur dan Ipoh akan dimulakan awal tahun depan selepas projek landasan berkembar Rawang-Ipoh siap sepenuhnya penghujung tahun ini, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Chan Kong Choy.

Kong Choy berkata, perkhidmatan itu akan memakan masa perjalanan selama dua jam 15 minit memandangkan tren itu perlu berhenti di beberapa stesen sepanjang laluan seperti stesen Tanjung Malim, Slim River, Tapah, Kampar dan Batu Gajah.

“Apabila landasan berkembar elektrik Rawang-Ipoh telah siap sepenuhnya, mungkin akan timbul amalan baru di mana mereka yang bekerja di Kuala Lumpur akan memilih untuk tinggal di kawasan suburban seperti Tanjung Malim mahupun Ipoh dan berulang-alik menggunakan tren,” katanya ketika merasmikan stesen KTM Komuter Rasa serta perkhidmatan KTM Komuter Rawang-Rasa.

Beliau berkata, situasi ini bukan mustahil memandangkan ia sudah terbukti di Seremban di mana ramai penduduk yang bekerja di Kuala Lumpur berulang-alik setiap hari menggunakan KTM Komuter.

Fasa pertama projek landasan berkembar Rawang-Ipoh, iaitu antara Rawang dengan Rasa sejauh 26km, telah siap sepenuhnya akhir tahun lalu dan ia mula beroperasi semalam melalui perkhidmatan KTM Komuter antara Rawang dengan Rasa.